

PRAKATA.

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam yang memberikan kehidupan, kekuatan serta pelbagai nikmat yang telah dikurniakan kepada umat manusia. Alhamdulillah, dengan berkat, taufik, hidayah dan izin-Nya jua Jabatan Mufti Negeri Selangor dapat menerbitkan sebuah lagi buku yang dirasakan tepat pada masanya, iaitu Al-Kuliyah – Bicara Islam Kontemporari.

Dalam menempuh zaman yang serba mencabar dan semakin kompleks ini, pelbagai cabaran dan pengaruh luaran datang mempengaruhi pemikiran dan tingkahlaku umat Islam. Justeru itu, sebagai khaira ummah kita hendaklah sentiasa bersedia untuk menghadapi dan menempuh situasi ini dengan mengukuhkan jati diri selain berpegang dan mengamalkan ajaran Islam dengan baik dan sempurna.

Buku ini merupakan hasil daripada beberapa kertas kerja yang telah dibentangkan dalam beberapa seminar, juga hasil kajian semasa yang telah dijalankan sebelum ini. Buku ini menengahkan perbincangan, perbahasan serta pandangan Islam mengenai isu-isu kontemporari yang melanda umat Islam pada masa kini. Ia disajikan kepada setiap lapisan masyarakat terutamanya kepada mereka yang dahaga dan cintakan ilmu pengetahuan.

Usaha untuk menerbitkan buku seperti ini adalah sebahagian daripada matlamat Jabatan Mufti Negeri Selangor untuk memperkayakan lagi khazanah ilmiah agar isi kandungannya dapat diambil manfaat dan dikongsi bersama demi kepentingan dan kemaslahatan umat Islam seluruhnya.

Nurhelmi bin Hj. Ikhsan
Penyusun